

0544

U B438 AAB
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 17 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, UMNO KINI TELAH KEMBALI KEPADA KEKUATAN ASALNYA SEBAGAI PARTI POLITIK TERBESAR DI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, JUMLAH ANGGOTA UMNO KINI HANYA KEKURANGAN 40,000 ORANG SAHAJA LAGI UNTUK MENYAMAI JUMLAH YANG DIKATAKAN MENJADI ANGGOTANYA BEBELUM IA DIHARAMKAN.

SEHINGGA 31 MAC LEPAS, SEJUMLAH 1,281,633 ORANG TELAH MENDAFTAR ATAU PUN 97 PERATUB DARIPADA JUMLAH ANGGOTA LAMANYA YANG DIKATAKAN 1,326,627 ORANG, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SULUNGNYA SETELAH KEMBALI BERTUGAS SELEPAS BERKUTI REHAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MELAWAT PUSAT PENDAFTARAN ANGGOTA UMNO, IBU PEJABAT UMNO, DI SINI HARI INI SELAMA KIRA-KIRA 20 MINIT MULAI PUKUL 5.15 PETANG. MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT YANG JUGA SETIAUSAHA AGUNG UMNO TURUT HADIR.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN JUMLAH ANGGOTA UMNO AKAN TERUS MENINGKAT SEHINGGA PENGHUJUNG TAHUN INI DENGAN MELEBIHI JUMLAH ANGGOTA UMNO LAMA. -- LAGI.

1838MST 17 04 89

UB440 A A B
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

ANGKA **KENAGGOTAAN** UMNO **LAMA TIDAK** TEPAT KERANA ADA KALANYA BERLAKU PERTINDIHAN DALAM PENDAFTARAN SESEORANG ANGGOTA DI BEBERAPA BUAH CAWANGAN DAN BAHAGIAN, KATANYA.

TIADA REKOD YANG **KEMASKINI** KERANA KETIKA ITU BAHAGIAN HANYA DIKEHENDAKI MELAPORKAN JUMLAH **ANGGOTA** BAHAGIANNYA KEPADA MAJLIS TERTINGGI **SAHAJA**.

PERDANA MENTERI **AMAT BERPUAS HATI** DENGAN PENCAPAIAN PENDAFTARAN ANGGOTA UMNO **SEKARANG** DAN **BELIAU** **YAKIN** SOKONGAN KEPADA UMNO AKAN TERUS BERTAHBAH.

DATUK SERI DR HAHATHIR BERKATA MEREKA YANG **MENDAFTAR** SELEPAS 31 MAC AKAN **MENJADI** ANGCOTA TETAPI TIDAK DAPAT MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MESYUARAT **AGUNG** CAWANGAN ATAU BAHAGIAN BERKENAAN.

BAGAIMANAPUN, KATA **BELIAU** DARIPADA JUMLAH ANGGOTA **UMNO** YANG TELAH MENDAFTAR, SEBANYAK 2001000 ORANG **LAGI** BELUM DISENARAikan KE DALAM **KOMPUTER**, TETAPI MEREKA DITERIMA SEBAGAI ANGGOTA SEBELUM TARIKH **AKHIR 31** MAC ITU.

BELIAU BERKATA **IBU** PEJABAT MEMERLUKAN MASA UNTUK **MEMPROSES** PENYENARAian **ANGGOTA** BERKENAAN DAN OLEH **ITU** MAJLIS TERTINGGI BERSETUJU MENANCGUHKAN MESYUARAT AGUNG CAWANGAN **KEPADA** PERTENGAHAN JUN. - - **LAGI**.

1852MST 17 04 89

UB441 A A B
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PUSAT PENDAFTARAN MAMPU **MEMPROSES** PENGISIAN 10,000 BORANG SEHARI KE DALAM KONPUTER DAN **DENGAN ITU** MEMERLUKAN KIRA-KIRA 20 HARI UNTUK MENYELESAIKAN PEMPROBEBAN **KEANGGOTAAN ITU**, KATA **BELIAU**.

PERDANA MENTERI **JUGA** PERCAYA BAHAWA ANGGOTA UMNO YANG MENDAFTAR KINI ADALAH KEBANYAKANNYA AHLI BARU DAN SEBAHAGIAN BESAR ANGGOTA **LAMA JUGA** TELAH TURUT MENDAFTARKAN **DIRI**.

MENGENAI PENDAFTARAN ANGGOTA UMNO DI **NEGERI-NEGERI**, **BELIAU** BERKATA BEBERAPA NEGERI HENCATAT JUMLAH **KEANGGOTAAN** YANG MELEBIHI JUMLAH SEBELUMNYA TERMASUK **KEDAH, TERENGGANU, PULAU PINANG** DAN **PAHANG**.

BELIAU **BERKATA**, JOHOR MENCATATKAN PALING RAMAI ANGGOTA UMNO DAN KINI TELAH MENCATAT PENDAFTARAN 80 PERATUS ATAU **216,548** ANGGOTA BERBANDING **DENGAN 271,450** SEBELUM INI.

KELANTAN TELAH **MENCATAT 121,973** ANGGOTA ATAU 89.3 PERATUS DARIPADA **136,559** ANGGOTA SEBELUH **INI**, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MENYATAKAN KECEMBIRANYA DAPAT MELAWAT **IBU** PEJABAT UMNO ITU.

SEMENTARA **ITU**, DATUK MOHAMAD RAHHAT BERKATA **IBU** PEJABAT PART1 SEDANG MENGELUARKAN SURAT JAWAPAN HENGENAI NOMBOR **KEANGGOTAAN**, RESIT RASMI YURAN DAN SENARAI NAMA **KEANGGOTAAN** DI BAHAGIAN DAN CAWANGAN, YANG MELAYAKKAN HEREKA BERTANDING **PADA** MESYUARAT AGUNG. -- BERNAMA.

1901MST 17 04 89

D 0/77 8AU